



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Agensi Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

KENYATAAN TAWARAN

(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor bumiputera tempatan yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bagi melaksanakan kerja-kerja

NO SEBUTHARGA	TAJUK KERJA	KOD BIDANG	TEMPOH DAN TEMPAT PENJUALAN DOKUMEN SEBUTHARGA	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT SEBUTHARGA / LAWATAN TAPAK	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
KPMB505/2024/08	CADANGAN KERJA-KERJA MENAIK TARAF DAN MENTAULIAH SISTEM KESELAMATAN BILIK SERVER DI KPM BERANANG	020101/020301/020302/140301/210102	16 - 22.04.2024 (Pejabat Pentadbiran KPM Beranang)	23.04.2024 (Jam 09.30 pagi) Bilik Meranti KPM Beranang (DIWAJIBKAN)	RM5.00	29.04.2024 (Sebelum 12.00 T/hari)

2. Pembekal-pembekal Bumiputera hendaklah mengemukakan siji-siji berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.

i) Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPKK) yang dikeluarkan oleh CIDB

ii) Sijil Asal Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh CIDB

iii) Sijil Asal Taraf Bumiputera (STB) yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU)

Satu (1) salinan siji-siji asal di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan semasa membeli dokumen sebutharga untuk simpanan. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.

3. Bayaran dokumen sebutharga boleh dibuat secara MARA EPS atas nama MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA). Wang ini tidak akan dikembalikan

4. Dokumen sebutharga boleh didapati pada waktu pejabat di alamat seperti di bawah. Dokumen sebutharga tidak akan dijual selepas tempoh ini.

9.00 pagi - 1.00 t/hari

1.00 t/hari - 2.00 petang (REHAT)

2.00 petang - 3.00 petang

5. Wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN untuk membeli dokumen sebut harga. Hanya PEMILIK SYARIKAT/PENAMA yang dibenarkan sahaja membeli dokumen sebut harga dengan mengemukakan KAD PENGENALAN DAN SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT sebagai pengesahan. Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.

6. Kontraktor yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri taklimat sebutharga dan lawatan tapak seperti catatan di atas dengan membawa bersama dokumen sebutharga. Wakil Syarikat DIWAJIBKAN membawa bersama surat perwakilan dan cop syarikat semasa menghadiri taklimat. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat sebutharga.

7. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.

8. MARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. MARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

9. Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan No. Sebutharga dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebutharga seperti alamat di bawah :

PENGARAH
KOLEJ PROFESIONAL MARA BERANANG
LOT 2333 Jalan Kajang / Seremban
Mukim Beranang
43700 Beranang, Selangor

Pada atau sebelum tarikh tutup sebutharga jam 12.00 tengah hari.

10. Dokumen sebutharga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup Sebutharga tidak akan diterima.